

# Dr Mahathir jadi

B.H - 5 SEP 1992

# tumpuan wartawan

(V)

Daripada Hambali A Latiff di Jakarta

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tumpuan wartawan yang membuat liputan Sidang Kemuncak Ke-10 Pergerakan Berkecuali (NAM), di sini sejak ucapannya di hari pertama sidang itu yang dianggap 'keras' tetapi bernas. Malah, sebelum Dr Mahathir tiba di sini, wartawan asing sudahpun bertanyakan hari kehadiran dan apakah yang akan diperkatakannya di sidang kali ini.

Soal pokok yang mungkin menjadi tarikan wartawan ialah kerana Perdana Menteri dianggap berani mengemukakan kritikkannya terhadap kuasa besar dan negara Barat tertentu mengenai ketidakadilan sistem ekonomi dunia, manipulasi terhadap Majlis Keselamatan, membuat keputusan mementingkan kelompok negara kaya dan berkuasa serta isu-isu lain yang merangkumi kepentingan negara Islam. Yang pasti dalam isu Bosnia, Perdana Menteri dilihat sebagai pemimpin Islam yang tegas menyuarakan perkara itu di peringkat antarabangsa tetapi kurang dilakukan oleh pemimpin negara yang seperti mendabik dada mendakwa mereka adalah negara Islam.

Ketika pemimpin lain di NAM seperti 'takut' menghadapi wartawan, Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar terbuka, Rabu kelmarin dan penuh sesak dengan wartawan dari seluruh pelosok dunia. Tidak kurang juga pegawai kanan dari beberapa negara yang mahu

jelas masalah dan pembunahan yang berlaku di republik baru ini lebih serius dan menakutkan daripada apa yang dilakukan oleh Baghdad terhadap puak Kurdis atau Syiah di Iraq.

Dr Mahathir mempersoalkan kejujuran, keikhlasan dan ketepatan kuasa besar dalam mengambil tindakan terhadap sesuatu isu yang nampaknya lebih menggambarkan sikap 'pilih kasih' mereka kepada kawasan atau kedudukan politik dan sosial sesebuah negara.

Wartawan asing turut bertanya bagaimana PBB boleh disusun semula dalam keadaan kita memerlukan badan dunia itu berfungsi sebaik-baiknya. Dr Mahathir berkata, jika tiada PBB masalah dunia akan menjadi semakin sulit tetapi dengan fungsi badan dunia itu yang berkecuali dan Majlis Keselamatan bertindak mengikut telunjuk kuasa besar, penilaian semula perlu dilakukan.

"Kita perlu mendesak dan semestinya kuasa besar yang ada sekarang akan menentang usaha mengubah kedudukan mereka. Tetapi kita tidak boleh berhenti mendesak atau membiarkan keadaan berterusan. Memanglah kesan tidak boleh dicapai dalam masa yang singkat, namun sanggupkah kita membiarkan ketidakadilan dalam Majlis Keselamatan berterusan. NAM boleh mendesak dan anggotanya perlu bersatu menghadapi isu ini," tegas Dr Mahathir.

Menurut Perdana Menteri isu Bosnia bukan kerana Islamnya, tetapi kezaliman puak Serb

tonjolkan oleh Dr Mahathir sepanjang sidang akhbar itu ialah, anggota NAM perlu bebas mengemukakan pandangan, bukannya takut-takut dalam forum seperti ini. Sidang NAM ialah sidang negara membangun yang membincangkan masalah bersama. Malaysia membuktikan bahawa kebebasan daripada ikatan ideologi, menentukan keutamaan pembangunan dalam negeri dan kerjasama perdagangan dan dua hala serta pelbagai hala melalui NAM perlu dipupuk.

Yang nyata, Malaysia datang ke sidang NAM berbekalkan cadangan untuk semua anggota, bukan kepentingan sendiri. Kita berbicara soal PBB, kerjasama Utara-Selatan, membaiki ketidak-

mendengar jawapan Perdana Menteri kepada soalan yang ditujukan terhadapnya.

Selama hampir 50 minit, Dr Mahathir menjawab hampir 50 soalan dalam pelbagai isu, daripada isu menilai semula masa depan NAM, menyusun semula Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), ketidakadilan politik dan ekonomi antarabangsa hinggalah kepada soal gelaran 'Sukarno Kecil' yang ditonjolkan kepadanya.

Apa yang cuba ditekankan di sini ialah, Dr Mahathir berjaya meyakinkan wartawan asing bahawa Malaysia memperjuangkan isu Bosnia bukan kerana ramai orang Islam tetapi kita menentang keganasan yang dilalukan oleh puak Serb dengan bantuan Serbia.

Majlis Keselamatan pula memandangkan ringan soal Bosnia ini walaupun

Ramai wartawan yang nampaknya berminat bertanyakan apakah beliau atau Malaysia cuba mendapatkan tumpuan utama di sini kali ini seperti berusaha 'stealing the show' daripada Indonesia. Dr Mahathir berkata, negara kecil tidak akan mampu menjadi tumpuan berbanding Indonesia yang begitu besar dengan jumlah penduduknya 10 kali ganda daripada Malaysia. Untuk apa melakukan itu kerana yang penting ialah soal NAM itu sendiri.

Dr Mahathir enggan menerima jolokan 'Sukarno kecil' kerana katanya beliau menghormati ketokohan bekas Presiden Indonesia itu. "Saya tidak mahu dikaitkan dengan pemimpin besar itu. Bagaimana saya boleh jadi tokoh besar kerana di Malaysia pun saya adalah Mahathir kecil". Jawabannya itu menggamatkan dewan sidang akhbar.

Apa yang menarik di-

seimbangan politik dan ekonomi antarabangsa, dan paling kecil isu serantau seperti Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

Kita ke sidang itu bukan untuk menyatakan masalah dalam negeri, meminta belas kasihan atau mendapatkan sokongan bagi sesuatu kumpulan, atau kepentingan. Kerana itu kita bercakap sebagai suatu kumpulan, atau dengan kemahuan satu suaradalamsebarang tindakan.

Di sinilah terletak kelebihan Malaysia — kelebihan Dr Mahathir — untuk menyatakan kepada wartawan asing bahawa kita akan terus menyatakan apa yang kita rasa perlu untuk semua negara, khususnya negara membangun. Dalam keadaan negara kita yang aman, ekonomi yang stabil dan suasana politik yang memenuhi citarasa demokrasi, kita mahukan

peperangan saudara, ekonomi dan politik antarabangsa yang menekan negara kecil, campur tangan kuasa besar di negara lemah yang sudah merdeka dan pelbagai masalah negara membangun lain diatasi.

Jika Malaysia mementingkan diri, adalah lebih baik bersikap seperti setengah anggota yang hanya menunjukkan kepentingan sendiri apabila hanya bercakap mengenai ekonomi semata-mata atau masalah di rantau mereka semata-mata, atau hanya mengirinkan wakil yang bukan sahaja tidak berani mengemukakan pandangan sebaliknya kurang berminat dengan apa yang berlaku di Pusat Persidangan Jakarta (JCC), sebaliknya membiarkan kerusi mereka kosong selepas sahaja majlis perasmian oleh Presiden Suharto.

Di kalangan kelompok media, wartawan Malay-

sia sering menjadi tumpuan. Saya diajukan pelbagai soalan seperti meminta latar belakang Dr Mahathir, dasar perindustrian negara, dasar ekonomi baru, berapa Pendapatan Perkapita Negara, pertumbuhan ekonomi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta banyak lagi.

Jika pegawai kanan kita seperti Wakil Tetap Malaysia ke PBB, Tan Sri Razali Ismail atau Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Halim melayani pelbagai soalan daripada wartawan luar, kami di kalangan wartawan juga menjadi tumpuan, khususnya oleh wartawan dari Amerika Syarikat, Britain, Korea Selatan, Jepun, termasuk Eropah Timur — khususnya Serbia, selain dari Indonesia sendiri.

Sebetulnya, apabila Perdana Menteri berkata di sidang akhbar itu bahawa: "Jika berasaskan

prinsip (PBBH), saya tidak peduli jika diculik (merujuk kepada tindakan kuasa besar menculik serta menangkap pemimpin negara lain) untuk diadili atau digulingkan untuk memenuhi kepentingan kuasa besar itu," memberikan suatu pengertian kepada kelegasan dan kejujuran Malaysia di arena antarabangsa.

Sikap keras, tegas dan bernas Dr Mahathir turut memberikan keyakinan kepada saya dan mungkin kalangan wartawan Malaysia yang lain untuk berani menghadapi soalan, perbincangan dan bertukar fikiran dengan wartawan asing, dan pasti sekali wartawan Indonesia mengenai kepentingan bersama kerana kerjasama tidak terbatas kepada ekonomi dan politik semata-mata tetapi juga persefahaman profesionalisme antara negara dalam NAM.